

**Pemilihan Pucuk Pimpinan UMNO Mesti Hormati Fasal 3 Perlembagaan Parti - Rais Bernama  
18 Ogos, 2013**

JELEBU, 18 Ogos (Bernama) -- Pemilihan pucuk pimpinan UMNO pada Oktober ini wajar menghormati Fasal 3 perlembagaan parti dengan mengutamakan perjuangan dan matlamat parti, kata anggota Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Tan Sri Dr Rais Yatim.

Bekas Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan itu berkata ini bermakna UMNO mesti diiktiraf sebagai penyambung wadai bagi agama, bangsa dan negara dengan mekanisme perpaduan utuh orang Melayu.

"Walau apa pun, UMNO akan mempunyai pemimpin tetapi sekiranya kita berpecah dalam menentukan siapa akan memimpin maka kuasa di tangan orang Melayu akan lurut dan akhirnya habis disebabkan desakan politik.

"Petua yang diberi oleh presiden Datuk Seri Najib Tun Razak supaya sepakat. Orang Melayu mesti berpegang kepada petua lama iaitu seperti pantun ini 'Baju Melayu Berbutang Lima, Ada Juga Berbutang Suasa, Orang Melayu Jangan Lupa, Hilang Kuasa Hilang Semua'," katanya yang juga mengumumkan tidak akan mempertahankan jawatan MT dan Ketua UMNO Bahagian Jelevu pada pemilihan kali ini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui pada majlis rumah terbuka Aidilfitri anggota Dewan Undangan Negeri Pertang Datuk Jalaludin Alias di padang awam Simpang Pertang di Jelevu, Sabtu malam.

Fasal 3 Perlembagaan UMNO menyenarai tanggungjawab dan matlamat perjuangan UMNO sebagai sebuah parti politik yang berjuang mendukung cita-cita kebangsaan Melayu demi mempertahankan maruah agama, bangsa dan negara.

Rais yang juga Penasihat Kerajaan bagi Hal Ehwal Sosial dan Kebudayaan berkata kuasa itu kini dilihat oleh pihak-pihak lain dan mereka suka UMNO berpecah.

Oleh itu, beliau menasihati pemimpin yang hendak naik ke atas supaya jangan begitu ghairah atau mencerca dan memberikan imej yang salah kepada parti.

"Saya sebagai veteran berdoa sangat supaya pucuk pimpinan berusaha mencari formula menyatukan Melayu dalam PAS dan UMNO. Ini sahaja formulanya dan jika ini tidak dapat dilaksanakan saya bimbang kita tidak lama memegang kuasa mengikut maksimum tahun dan zaman," katanya.

Beliau menasihati mereka yang bertanding supaya hindarkan diri daripada politik sogok menyogok.

"Kita tidak mahu pemimpin naik ke atas sebab kekuatan 'poketnya' (wang). Kita mahu pemimpin naik ke atas sebab cerdiknyanya dan kebolehan memimpin...musuh UMNO ialah politik wang dan jika ini dapat diatasi, saya percaya kita (UMNO) akan survive," katanya.

Mengenai keputusannya tidak mempertahankan jawatan MT dan Ketua UMNO Bahagian Jelevu, Rais berkata: "Bak kata pepatah, saya menyeberang sudah sampai ke seberang dan lingkungan usia saya ambil kira...oleh kerana saya sekarang diberi tugas di peringkat penasihat taraf menteri saya dapati itu lebih sesuai bagi saya setelah 40 tahun

berkecimpung dalam arena politik.

"Sebagai penasihat, saya kira itu lebih afdal dan saya terimalah penghargaan daripada Perdana Menteri itu sebaik mungkin," katanya.

Mengenai pemimpin yang akan menggantikan beliau di bahagian Jelevu, Rais meletakkan empat syarat iaitu perlu jujur memimpin, tidak menggunakan sogokan, tahu Fasal 3 perlembagaan dan menunjukkan jasa dan sumbangan.

Dalam pada itu Jalaludin menyatakan kesediaannya bertanding untuk mengambil alih jawatan Ketua UMNO Bahagian Jelevu yang tidak akan dipertahankan oleh Rais pada pemilihan parti kali ini.

Anggota Exco dan ADUN Pertang itu berkata Rais yang juga Penasihat Kerajaan bagi Hal Ehwal Sosial dan Kebudayaan telah memaklumkan untuk tidak mempertahankan jawatan ketua bahagian dalam mesyuarat jawatankuasa bahagian Jelevu baru-baru ini.

"Selaku Timbalan Ketua bahagian saya memikirkan sudah sampai masanya untuk saya mengambil alih jawatan ini untuk menguruskan UMNO bahagian ini.

"Saya harap mendapat kerjasama semua kepimpinan di peringkat cawangan dan bahagian termasuk Wanita, Pemuda dan Puteri," katanya kepada pemberita pada majlis rumah terbuka itu yang diadakan di padang awam Simpang Pertang.

Jalaludin berkata sebagai timbalan ketua dan orang yang agak lama dalam pimpinan bahagian, beliau mengucapkan terima kasih kepada jasa yang telah dibawa oleh Rais pada masyarakat dan pembangunan terutama di Jelevu.

Mengenai kemungkinan ada pertandingan bagi merebut jawatan itu, beliau berkata sesiapa pun boleh bertanding tetapi perlu bertanding secara sihat dan elakkan perpecahan.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=970753>